



Ruj. Kami : P.K.N.A.1/20-1/Jld.4/(2)
Tarikh : 11 Jamadilawal 1433H
03 April 2012

Ke Majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Yang Amat Berbahagia Dato'/ Yang Mulia Tengku/ Tuan/ Puan

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2/ 2012

PENGGUNAAN WARAN UDARA PERJALANAN AWAM (WPUA) BAGI SYARIKAT AIR ASIA BERHAD (AIR ASIA) UNTUK PERJALANAN RASMI KE LUAR NEGERI/ NEGARA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk memaklumkan penggunaan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) bagi Syarikat Air Asia Berhad (Air Asia) untuk perjalanan rasmi ke luar negeri/ negara Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada masa ini, WPUA hanya boleh digunakan bagi Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) sahaja, bagi semua perjalanan udara rasmi untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2.2 Berikutan perkembangan semasa Air Asia yang juga merupakan syarikat penerbangan di Malaysia selain daripada MAS, Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan telah memutuskan supaya pegawai diberi pilihan menggunakan WPUA samada melalui MAS atau Air Asia bagi urusan rasmi Kerajaan ke luar negeri/negara.

3. KEISTIMEWAAN WPUA AIR ASIA

3.1 Keistimewaan WPUA yang ditawarkan oleh Air Asia adalah sebagaimana berikut:-

3.1.1 Percuma seleksi tempat duduk termasuk "HOT SEATS".

3.1.2 Percuma juadah makanan & minuman.

3.1.3 Percuma 20 kg pertama bagasi Air Asia.

3.1.4 Percuma 20 kg peralatan sukan Air Asia dan Air Asia X.

3.1.5 Percuma 30 kg pertama bagasi bagi semua penerbangan Air Asia X (Ekonomi).

3.1.6 Percuma 40 kg pertama bagasi bagi penerbangan Air Asia X (Kelas Premium).

3.1.7 Percuma penukaran penerbangan sebelum 24 jam masa penerbangan.

3.1.8 Percuma perkhidmatan kaunter daftar masuk penumpang

3.1.9 Penempahan sehingga 3 jam sebelum penerbangan

- 3.1.9.1 Tertakluk kepada terma dan syarat
- 3.1.9.2 Bagi penukaran penempahan disaat akhir pemberian makanan dan minuman mungkin berbeza
- 3.1.9.3 Penempahan sehingga 3 jam sebelum penerbangan boleh dibuat melalui agen pelancongan yang dilantik
- 3.1.9.4 Sebarang penukaran kurang dari 24 jam sebelum masa penerbangan akan dikenakan caj penukaran

3.1.10 Perubahan penerbangan

- 3.1.10.1 Tiada caj bagi waktu penukaran lebih dari 24 jam sebelum waktu penerbangan
- 3.1.10.2 Penukaran boleh dilakukan melalui agen pelancongan yang dilantik
- 3.1.10.3 Tiada caj bagi penukaran masa "On Standby Basis" (penerbangan awal sahaja) pertukaran di kaunter lapangan terbang sahaja.

3.1.11 Sekiranya Terlepas Penerbangan (*Missed Flight*)

Bagi penukaran ke penerbangan selepas waktu asal, penukaran boleh dilakukan di kaunter lapangan terbang Air Asia pada **tarikh & hari yang sama sahaja**.

- 3.1.11.1 Caj penukaran perlu dibayar secara tunai di kaunter. Resit pembayaran akan diberikan atas permintaan penumpang.
- 3.1.11.2 Sebarang penukaran penempahan tertakluk kepada penerbangan sedia ada pada hari dan waktu yang sama.
- 3.1.11.3 Tertakluk kepada terma dan syarat, kesediaan tempat duduk, dalam tempoh dan tarikh penerbangan yang sama.

Amaun Caj	Sektor / Rantau
RM 50.00	Domestik
RM 75.00	Serantau
RM 100.00	Antarabangsa

4. KAEDAH TEMPAHAN TIKET

4.1 Kaedah penempahan tiket Air Asia adalah mengikut kaedah sebagaimana penggunaan waran pukal MAS dan hanya boleh dibuat melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Perbendaharaan Negeri.

5. KAEDAH PEMBAYARAN

5.1 Pembayaran WPUA Air Asia boleh dibuat melalui sistem bayaran pukal SPEKS berpandukan peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan.


5.2 Bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri, bolehlah membuat bayaran secara pukal manual kerana tidak menggunakan SPEKS.

6. TARIKH KUAT KUASA

6.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

**“ ISLAM DIJUNJUNG, RAJA DISANJUNG, RAKYAT DIPAYUNG “
“ TAHUN MELAWAT KELANTAN 2012 “**

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MOHD. FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan.

Salinan Kepada :

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan

Edaran Dalaman :

Yang Berusaha Timbalan Pegawai Kewangan Negeri

Yang Berusaha Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan)

Yang Berusaha Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil)

Yang Berusaha Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Aset)

Yang Berusaha Penolong Bendahari Negeri

Yang Berusaha Pegawai Teknologi Maklumat

Yang Berusaha Ketua-Ketua Unit